Tunggakan pinjaman PTPTN cecah RM10.7 bilion - KPT

Oleh Berita Harian-Oktober 05, 2026 @ 11:48 pm



Bangunan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di Putrajaya. - Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Tunggakan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kini mencecah RM10.7 bilion, membabitkan 1.16 juta peminjam setakat 31 Ogos lalu. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkata langkah memperkukuh pengurusan pinjaman dan kutipan bayaran balik sedang dipertingkat bagi memastikan kelestarian pembiayaan PTPTN.

KPT berkata terma dan syarat pinjaman akan diperhalusi supaya pembiayaan disasarkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan, manakala peminjam yang berdepan kesukaran kewangan boleh berunding untuk penstrukturan semula bayaran atau memohon penangguhan mengikut kelayakan.